

Konvokesyen UMS: 5,003 graduan terima ijazah, diploma

UB 24.11.2018 A2

KOTA KINABALU: Seramai 5,003 graduan akan menerima ijazah dan diploma masing-masing pada Majlis Konvokesyen Universiti Malaysia Sabah (UMS) ke-20 yang akan berlangsung 24 hingga 26 November ini.

Mereka terdiri daripada 55 penerima Ijazah Doktor Falsafah, 603 Ijazah Sarjana, 4,276 Ijazah Sarjana Muda dan 69 Diploma.

Jumlah itu turut melibatkan 195 graduan kelas pertama, 146 graduan yang merupakan pelajar antarabangsa, 89 graduandarikumpulanpelajar B40, 14 graduan kelainan upaya dan dua graduan anumerta (posthumous).

Berlangsung di Dewan Canselor UMS, acara pengurniaan ijazah akan diadakan dalam enam sidang, dengan Yang Dipertua Negeri Sabah Tun Juhar Mahiruddin akan mengurniakan Ijazah Doktor Falsafah, Ijazah Sarjana, Ijazah Sarjana Muda Doktor Perubatan dan Diploma Kejururawatan pada sidang pertama majlis itu.

Pada sidang itu juga, Juhar akan menyempurnakan istiadat pemasyhuran dua Pro-Canselor baharu UMS,

iaitu Ketua Menteri Sabah Datuk Seri Panglima Mohd Shafie Apdal dan Pengerusi Eksekutif Amcorp Group Berhad Tan Sri Azman Hashim.

Azman kemudiannya akan menyempurnakan majlis pengurniaan ijazah pada sidang kedua (hari pertama) dan sidang keempat (hari kedua).

Sementara, Shafie akan menyampaikan ijazah kepada para graduan pada sidang ketiga (hari kedua).

Pada hari ketiga majlis konvokesyen, Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr D Kamarudin D Mudin akan menyempurnakan majlis pengurniaan ijazah bagisidang lima dan sidang enam.

Majlis konvokesyen kali ini juga akan menyaksikan pengurniaan ijazah kepada graduan sulung bagi dua program baharu iaitu Sarjana Sains Komputer (Pembangunan Perisian) dari Fakulti Komputeran Informatik dan Sarjana Sastera (Kerajaan dan Hubungan Antarabangsa) Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan. - Oleh YAP SIONG HAN